

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa Kerajaan masih melengahkan pembentangan pindaan Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Kerja di Dewan Rakyat. Mohon cadangkan garis masa untuk pembentangan pindaan kedua-dua rang undang-undang tersebut di Dewan Rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Proses meminda atau menggubal sesuatu undang-undang memerlukan penelitian yang menyeluruh dengan mengambil kira kepentingan semua pihak termasuklah pihak majikan dan pekerja. Kementerian Sumber Manusia tidak pernah melengahkan-lengahkan usaha meminda kedua-dua Akta ini namun pelaksanaannya perlu dibuat secara komprehensif dan inklusif.

Pindaan ke atas Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262] sedang dalam peringkat akhir untuk semakan Jabatan Peguam Negara dan dijangka akan dibentangkan dalam sesi Mesyuarat Parlimen pada Disember tahun ini. Manakala Rang Undang-Undang bagi meminda Akta Kerja 1955 [Akta 265] telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen Keempat Belas 2021 untuk bacaan kali pertama pada 25 Oktober 2021.